

Oleh Khairul Hamizy Ramlee  
am@hmetro.com.my  
**Kuala Terengganu**

**SUSULAN 12 KAWASAN BAKAL TENGGELAM**

# 'Kami sedia bertindak'

**K**erajaan negeri sudah melaksanakan beberapa projek benteng menahan ombak antaranya di Kuala Terengganu, Kemaman dan Dungun.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri Ir Rosli Othman berkata, ia tidak dibuat khusus untuk menahan ancaman kemungkinan kenaikan air laut, tetapi lebih kepada hakisan pantai akibat ombak kuat terutama pada musim tengkujuh.

"Sekiranya ada pembentangan dan perbincangan daripada pihak lain seperti dilaporkan Metro Ahad semalam (kelmarin) kami bersedia bekerjasama untuk mengambil tindakan selanjutnya demi kepentingan bersama," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan Metro Ahad semalam mengenai 12 kawasan di seluruh negara termasuk lokasi sekitar muara Sungai Terengganu bakal tenggelam berikutan kenaikan paras air laut menjelang 2100 hasil kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

Sementara itu, musim tengkujuh tidak lama lagi menyebabkan penduduk Kampung Tok Jembal, di sini, dilanda kebimbangan berikutan hakisan teruk di kampung mereka sejak lima tahun lalu.

Meskipun pelbagai langkah diambil kerajaan negeri



**LAPORAN Metro Ahad semalam.**



**SHAMSUDI**

sebelum ini untuk menyelamatkan Kampung Tok Jembal daripada terus terhakis, keadaan itu tetap berterusan hingga menyebabkan kemudahan awam dan gerai berhampiran dihanyutkan ombak dua tahun lalu.

Penduduk, Mohd Shamsudi Arifin, 41, berkata, masalah berkenaan semakin ketara sejak dua tahun lalu dan hakisan itu semakin



**FAKTA**  
Kerajaan sediakan peruntukan bina benteng menghalang ombak

**ANTARA kawasan Pantai Tok Jembal yang dihakis ombak.**

menghampiri chalet di kampung berkenaan.

Menurutnya, kerajaan menyediakan peruntukan bagi untuk membina benteng menghalang ombak dan walaupun ombak yang melanda kini hanya setinggi tiga meter, penduduk tetap gusar kerana ombak setinggi 10 meter pernah berlaku bebe-

rapa tahun lalu.

"Hakisan mungkin memberi kesan kepada penduduk, pengusaha chalet dan bangunan institusi pengajian tinggi yang dibina berhampiran kawasan pantai," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Nelayan, Zulkifli Manan, 40, berkata, dia bersyukur kerana kerajaan negeri me-

ngambil tindakan serius untuk menyelesaikan hakisan itu.

"Langkah yang diambil kerajaan untuk mengelakkan hakisan sangat wajar kerana kawasan pantai Tok Jembal sememangnya destinasi pilihan pelancong.

"Pantai ini yang sepanjang tujuh kilometer kini sedang dibina benteng bagi mena-

ngani masalah hakisan," katanya.

Menurutnya, meskipun lega dengan tindakan pantas kerajaan membina benteng namun dia tetap risau dengan kemungkinan harga tanah di kawasan itu akan turun mendadak disebabkan orang ramai tidak berani mengambil risiko tinggal di kawasan berkenaan.

**Klang:** Rata-rata penduduk berharap Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dapat merancang satu pelan khas bagi menangani masalah kenaikan paras air laut yang dijangka bakal melenyapkan daerah ini menjelang 2100 nanti.

Pekerja swasta, Faiz Anuar, 27, berkata, sebagai penduduk yang membesar di daerah ini, dia sudah pasti bimbang dengan ancaman kehilangan tempat tinggalnya jika kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) itu benar-benar berlaku.

“Walaupun ia dijangka berlaku dalam tempoh 86 tahun lagi, tetapi sesuatu tindakan khas perlu difikirkan daripada sekarang supaya bandar ini terus selamat diduduki penduduknya.

“Sayanglah kalau kita mempunyai masa yang banyak untuk melakukan penyelidikan tetapi tidak digunakan, dalam hal ini, saya berpendapat semua kementerian dan juga kerajaan negeri perlu bersatu dan bertindak segera bagi mena-

# Pelan tangani masalah kenaikan paras air laut



ngani ancaman ini,” katanya.

Bagi penduduk Bukit Kuda, di sini, Mohammad Noor Mat Aroff, 29, berkata, negara sepatutnya sudah bersedia dengan fenomena kenaikan paras air laut ini berikutan kajian mengenainya sudah dijalankan sejak sekian lama.

“Saya percaya sudah ada data geologikal dan geoteknikal secara bersepadu yang menyediakan maklumat lengkap mengenai geologi kawasan melalui sistem

////////////////////////////////////

**“ Saya percaya sudah ada data geologikal dan geoteknikal secara bersepadu yang menyediakan maklumat lengkap mengenai geologi kawasan”**

**Mohammad**

perisian lengkap mengumpulkan maklumat yang disalurkan, kepada jurutera dan perancang bandar.

“Sekurang-kurangnya dengan adanya maklumat dan data berkenaan, projek untuk mengatasi masalah kenaikan paras air laut ini boleh dimulakan sekali gus dapat menyelamatkan daerah ini kerana Klang antara daerah yang sedang membangun di jambah pula sebagai lokasi pelabuhan

utama negara ini,” katanya.

Metro Ahad semalam melaporkan, hampir dua juta penduduk di 12 kawasan seluruh negara berisiko kehilangan tempat tinggal

menjelang 2100 apabila lokasi berkenaan berkeungkinan lenyap dari peta Malaysia akibat peningkatan paras air laut.

Ini berdasarkan kajian NAHRIM yang mendapati 12 kawasan di seluruh negara bakal ditenggelami air antara 0.25 meter sehingga 1 meter (m) pada tahun berkenaan.

Dalam kenyataan NAHRIM kepada Metro Ahad, antara kawasan yang terjejas di Semenanjung ialah di Batu Pahat, Johor (meliputi pantai dari Sungai Senggarang ke Sungai Punggor); Terengganu (meliputi muara Sungai Terengganu); Klang, Selangor dan Kuala Muda, Kedah.